

# **Aplikasi dan Analisis Konsep *Tawarruq* Pada Produk Perbankan; Studi Kasus di CIMB Islamic Bank Bhd. Malaysia**

**Oleh : Muhammad Hasbi Zaenal & Abdul Hakam**

## **Abstrak**

*Konsep tawarruq telah lama dibincangkan di kalangan para ulama. Dalam perbankan Islam, Deposit lazimnya menggunakan sistem bagi hasil. Namun begitu, terdapat Deposit yang menggunakan system fix return dengan kontrak asas tawarruq bersama dengan kontrak lainnya sebagai pendukung (hybrid). Produk ini telah diaplikasikan oleh CIMB Islamic Bank di Malaysia, dengan nama FRIA-I (Fixed Return Investment Account-i). Artikel ini mengkaji konsep tawarruq dan aplikasinya dalam produk Deposit FRIA-I dengan menggunakan metodologi deskriptif analisis, yang meliputi pengumpulan data, penyusunan, menganalisis dan peenginterpretasian data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa produk deposit FRIA-i merupakan kontrak hibrid yang sesuai dengan hukum Islam melalui instrumen wakalah mutlaqah dan hilah shar'iyah. Walau bagaimanapun, ia telah dianggap sebagai produk alternatif yang lebih baik daripada produk yang berasaskan bai' al-'inah.*

**Kata Kunci :** *Tawarruq, Bai' al-'Inah, Deposits, Islamic Banking, Fixed Return Investment Account-i (FRIA-i JEL Classification: G21, G2, B1, B15, N3, Z12.*

## **Pendahuluan**

Antara perkembangan positif yang dapat dilihat kesannya daripada kemajuan sektor perbankan Islam ialah perluasan penggunaan berbagai konsep syariah dalam produk-produk kewangan Islam. Perbankan Islam telah mengalami perkembangan, terbukti dengan diaplikasikannya konsep *wadi'ah*, *murabahah*, *bay' bithaman ajil*, *ijarah*, *mudarabah*, *musharakah*, *bay' al-dayn*, *Bai'al-Inah* dan *tawarruq*. Perkembangan ini menunjukkan bahawa persaingan di antara perbankan telah menjadikan mereka lebih inovatif dalam menerokai berbagai produk baru bagi memenuhi keperluan

pelanggan. Penyempurnaan produk perbankan Islam sentiasa bergerak maju sesuai dengan peningkatan riset dan keadaan semasa. Selain daripada itu para ulama telah menerapkan sikap keterbukaan dalam menerima pandangan mazhab. Hal ini diperlukan untuk menjaga agar supaya sistem kewangan Islam sentiasa boleh kompetitif dan berdaya saing.

### **Study of *Tawarruq***

Secara litelatur istilah *tawarruq* hanya digunakan oleh fukaha mazhab Hanbali. Mazhab Hanafi menganggap bahawa *bay' al-tawarruq* adalah bahagian daripada *bai' al-'inah* (Hawwa 2007). Secara etimologi *tawarruq* adalah *masdar* daripada *tawarraqa, yatawarraqu tawarruqan* (Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, 2002; al-Zamakhsari 1965; Ibn Manzur 1990; Qal'ahji et al. 1996; Ibrahim Anis et al. 1972) berasal daripada perkataan Arab *al-wariq (silver coins)* (al-Fayruz 'Abadi, 1411H; Ibn Manzur, 1990; al-Lughawi, 1986)<sup>1</sup> berarti perak atau wang dirham yang diperbuat daripada perak, manakala Ibn Faris menyatakan bahawa perkataan *tawarruq* berasal daripada perkataan (*waraqun*) yang memberi dua makna. Pertama, menunjukkan kepada kebaikan dan harta dan ia diambil daripada (*waraq al-shajar*) iaitu daun pokok. Makna yang kedua, bererti warna (al-Ghamidi, 2007).

Secara terminologi, Wahbah al-Zuhayli mendefinikan *tawarruq* adalah seseorang membeli suatu barang dengan pembayaran secara tangguh, kemudian orang itu menjual pula kepada orang lain dengan harga yang kurang daripada pembelian pertama, bagi tujuan mendapatkan wang tunai (al-Zuhayli, 2004). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah* mendefinisikan *tawarruq* sebagai bentuk jual beli yang melibatkan pembelian sesuatu barang secara tangguh dan kemudian barang tersebut dijual secara tunai kepada pihak ketiga (bukan penjual asal) yang mana harga jualan tersebut lebih rendah daripada harga belian bagi tujuan mendapatkan wang tunai (Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, 2002). Manakala AAOIFI

---

<sup>1</sup>Menurut Majoriti ulama ahli bahasa menyatakan bahawa perkataan *al-Wariq* bermaksud mata wang dirham yang terbuat daripada perak manakala sebagian ahli bahasa yang lain mentakrifkan perkataan *al-Wariq* secara mutlak diperuntukkan bagi setiap jenis perak baik perak yang dilebur menjadi wang dirham ataupun perak biasa yang tidak dilebur menjadi wang dirham (Mahmud t.th.).

mendefinisikan *tawarruq* dengan membeli satu barang dengan harga bertanggung sama ada secara *musawamah* (*bargaining*) atau *murabahah* (*mark-up sale*) kemudian menjual secara '*cash*' atau tunai kepada pihak selain penjual asal, bagi tujuan mendapatkan wang tunai" (AAOIFI, 2008).

### **Jenis *Tawarruq***

Terdapat dua jenis *tawarruq*. Pertama, *tawarruq* berlaku dalam keadaan pembeli pertama (*mustawriq*) membeli barang secara ansuran dan menjualnya kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang lebih rendah daripada harga asal untuk mendapatkan wang tunai. Dalam jenis sebegini, pihak ketiga tidak mempunyai kaitan langsung dengan penjual barang yang pertama. Oleh itu, penjual barang yang pertama tidak boleh dikaitkan dengan jualan tunai yang dilakukan oleh pihak pembeli yang kedua (pihak ketiga). Situasi ini diistilahkan sebagai *al-tawarruq al-fardi* (IBFIM, 2007).

Kedua ialah *tawarruq* yang digunakan dalam sebuah sistem kewangan yang menjadikannya sebagai satu medium pembiayaan yang sistematik. Dalam hal ini, pembeli barang yang terakhir tadi bertindak sebagai wakil kepada penjual barang yang pertama ataupun penjual pertama akan mewakili pembeli terakhir dalam menguruskan kontrak. Kaedah *tawarruq* sedemikian dinamakan *al-tawarruq al-munazzam* atau *al-tawarruq al-masrafi* (Ab. Mumin Ab. Ghani & Ahmad Sufyan Che Abdullah, 2006; Hassan, 2009). Jenis ini selalu digunapakai oleh sistem perbankan moden untuk memudahkan para pelanggan mendapatkan wang tunai (*cash*) tanpa perlu mencari pembeli barang yang dibeli daripada bank.

### **Dalil *Tawarruq***

Dalil-dalil keharusan konsep *Tawarruq* ialah Al-Qur'an, surah al-Baqarah, 2: 275. *Wajh al-'Istidlal* ayat ini menjelaskan bahawa Allah s.w.t. menghalalkan semua bentuk jual beli, kecuali terdapat dalil muktabar yang menunjukkan keharamannya (al-Rushaydi, 2005; al-Qurrah Daghi, 2002). Al-Qur'an, surah al-Baqarah, 2:282. Ayat ini menjelaskan tentang keharusan menulis hutang-piutang dan masa pembayarannya. Transaksi *tawarruq* merupakan salah satu transaksi jual beli dan salah satu bentuk hutang-

piutang yang termasuk dalam makna umum ayat di atas (al-Mushayqah 1425H; al-Turki 2003).

Dari Al-Sunnah, Diriwayatkan dari Abu Sa'ïd al-Khudri dan Abu Hurayrah r.a., bahawa Rasul Allah s.a.w. menghantar seorang sahabat ke Khaybar dan sahabat tersebut pulang dengan membawa kurma yang baik kualitasnya (al-janib). Kemudian Rasul Allah s.a.w. bertanya kepada sahabat tersebut: “*adakah semua kurma di Khaybar seperti ini?*” Dia menjawab: *Demi Allah tidak wahai Rasul Allah s.a.w. Tapi kami menukar satu gantang kurma yang baik kualitasnya dengan dua gantang kurma yang tidak baik kualitasnya dan dua gantang kurma yang baik kualitasnya dengan tiga gantang yang tidak baik kualitasnya. Rasul Allah s.a.w. bersabda: “Jangan berbuat begitu, tetapi jual keseluruhannya dengan dirham kemudian belilah kurma yang baik kualitasnya dengan wang tersebut”*.<sup>2</sup> Hadis ini membolehkan menerapkan cara yang disebutkan dalam sabda Nabi s.a.w. di atas untuk menjadi jalan keluar (*al-makhrāj*) bagi menghindari dari hakikat riba dan bentuk-bentuknya. Artinya, kita boleh menggunakan akad jual beli yang sah tanpa mengandung maksud menjadikan jual beli tersebut sebagai helah riba, meskipun jual beli yang kita lakukan bertujuan untuk mendapatkan tunai atau kecairan (Mohammad Anwar Ibrahim 2007).

Dalil °Aqli (*ma°qul*) yaitu pelaksanaan pembiayaan yang berasaskan transaksi *tawarruq* itu telah membantu kepada kemaslahatan orang banyak. Akan tetapi tidak setiap individu yang sedang memerlukan wang tersebut mendapatkan pinjaman secara suka rela yang tidak membabitkan unsur riba (*al-qard al-hasan*) (al-°Uthaymin, 1404H). Tujuan pedagang melakukan perdagangan ialah untuk memperoleh keuntungan wang yang lebih banyak daripada wang yang sedikit. Begitu juga transaksi *tawarruq*, ialah memperolehi wang, dan barang adalah sebagai objek akad yang hanyalah

---

<sup>2</sup>Ibn Hajar al-°Asqalani, al-Hafiz Ahmad ibn °Ali, *Fath al-Bari*, kitab al-buyu°, bab ida arada bay° tamr bitamr khairin minh, juz.5, bil. hadis. 89/2201 & 2202, hlm.146; al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf, *Sharh Sahih Muslim*, kitab al-musaqat, bab bay° al-ta°am mithlan bimithlin, juz.6, bil. hadis. 95/1593, hlm.18. Menurut riwayat Abu °Awanah dan al-Daruqutni dari jalur al-Darawardi dari °Abd al-Majid menyebutkan bahawa nama seorang sahabat bani °Adi dari kalangan Ansar yang diutus oleh Rasul Allah s.a.w. ke Khaybar tersebut adalah Sawad ibn Ghaziyah (Ibn Hajar al-°Asqalani 2000).

berperanan sebagai perantara di antara keuntungan dan modal (al-Mushayqah 1425H). Adapun akad semacam ini yang dilarang adalah apabila penjualan dan pembelian yang dilakukan berasal dari satu orang seperti dalam masalah *‘inah*. Di mana dalam jual beli *‘inah* terdapat helah kepada riba (al-Sa<sup>‘</sup>di et al. 2008).

al-Qurri (2003) dan Hasan Hamud (2008) menyebut bahwa dalil Qiyas dari kontrak Tawarruq adalah jual beli yang dicontohkan dalam hadis di atas telah memenuhi rukun dan syarat jual beli dan juga tidak terdapat sesuatu yang merusakkan akad jual beli tersebut seperti adanya *gharar* (keraguan), *jahalalah* (ketidakpastian), riba dan sebagainya. al-Qurrah Daghi (2002) menyatakan niat untuk mendapatkan wang tunai tersebut bukanlah sesuatu yang diharamkan, melainkan sesuatu yang dibolehkan oleh syarak. Di samping itu, dalam aplikasi transaksi *tawarruq* tidak nampak padanya tujuan melakukan riba atau bentuk-bentuk transaksi yang seumpama riba (Wizarat al-Awqaf wa al-Shu’un al-Islamiyyah, 2002). Hal ini, kerana mereka yang melakukan transaksi *tawarruq* pada hakikatnya adalah ingin menjauhkan diri dari riba (Aznan Hasan, 2007).

### **Aplikasi *Tawarruq* Dalam Produk FRIA-i CIMB Islamic**

Secara praktiknya, kadar penggunaan konsep *tawarruq* di CIMB Islamic masihlah sedikit jika dibandingkan dengan produk yang berasaskan *bai’ al-‘inah* (Abdul Rahman A. Shukor & Zarizan Ibrahim 2011). Namun begitu, menurut pernyataan Shafaai Musa (2012) “...CIMB Islamic secara bertahap akan mengurangkan penggunaan instrumen *bai’al-‘inah* yang masih kontroversi dan menjadi polemik ahli Syariah internasional terutama daripada Timur Tengah sebagai usaha untuk merespons pasaran kewangan Islam di peringkat global”.

### **Gambaran Umum Produk FRIA-i**

Pada dasarnya produk FRIA-i beroperasi berdasarkan kontrak *tawarruq* bersama dengan komoditi *murabahah*, iaitu pembelian barang-barang atau komoditi tertentu pada harga kos campur margin keuntungan yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak (penjual dan pembeli) dan selanjutnya, komoditi tersebut dijual semula kepada peniaga komoditi yang

lain (pihak ketiga) dengan maksud untuk memperolehi wang tunai (CIMB Bank, 2011).

### Jenis Produk FRIA-i di CIMB Islamic

Jadual 3.1: Jenis Akaun Pelaburan Pulangan Tetap-i (FRIA-i)

<b>AKAUN PELABURAN PULANGAN TETAP-i (FRIA-i)</b>			
	<b>Whay Wait</b>	<b>Monthly Returns</b>	<b>Maturity Returns</b>
<b>Pelaburan Minimum (RM)</b>	RM10,000	RM1,000	RM5,000 (1 bulan) RM1,000 (2 bulan dan ke atas)
<b>Tempoh</b>	1, 2 dan 3 bulan	12, 15, 18, 21, 24, 36, 48 dan 60 bulan	1 hingga 60 bulan
<b>Kaedah Pembayaran</b>	Bayaran tunai mengikut pulangan yang dipersetujui akan dibayar serta-merta selepas pendaftaran.	Bayaran tunai mengikut pulangan yang dipersetujui akan dibayar secara bulanan.	Bayaran tunai mengikut pulangan yang dipersetujui akan dibayar apabila matang.  <i>Nota: Keuntungan akan dibayar pada setiap 6 bulan bagi tempoh pelaburan melebihi 12 bulan.</i>
<b>Kadar Keuntungan</b>	Kadar Keuntungan Ditetapkan Terlebih Dahulu		

Sumber: Brosur Produk FRIA-i di CIMB Islamic 2011.

a. Formula pengiraan pembayaran keuntungan FRIA-i:

$$\text{Keuntungan keseluruhan} = P \times R\% \times t/T$$

Di mana:

P= jumlah deposit daripada pelanggan.

R= persenan kadar keuntungan (%).

t = tempoh atau bilangan hari didepositkan.  
T= jumlah keseluruhan hari dalam setahun (365).

Contoh:

Ada pelanggan membuka akaun deposit FRIA-i Why Wait di CIMB Islamic. Dia deposit wang RM10,000 untuk tempoh deposit sebulan. Maka cara pengiraan pembayaran keuntungan yang akan diperoleh pelanggan tersebut dalam tarikh matang sebulan adalah sebagai berikut:

$$\text{RM}10,000 \times 3\% \times 30 / 365 = \text{RM } 24.66.$$

Pada tarikh matang deposit untuk tempoh sebulan bagi produk FRIA-i Why Wait, pelanggan akan mendapatkan tambahan keuntungan RM 24.66 (3% daripada wang deposit) dari CIMB Islamic Bank Berhad. Jadi, dalam hal ini, pelanggan akan memperoleh wang  $\text{RM}10,000 + \text{RM}24.66 = \text{RM } 10024.66$  (sepuluh ribu dua puluh empat ringgit nam puluh nam sen) (Shah Riza Muhammad, 2011).

### **Rebat atau *ibra'*:<sup>3</sup>**

Apabila pelanggan CIMB Islamic telah melakukan pengeluaran awal (premature upliftment) sebelum tarikh matang deposit, maka dalam hal ini sesuai dengan terma dan syarat produk FRIA-i fasal tentang Kadar Keuntungan atau Kadar Pulangan, klausa 5.5(a), 5.5(b) dan 5.5(c), pihak pelanggan dan CIMB Islamic telah bersetuju menggunakan konsep rebat atau *ibra'* (CIMB Islamic, 2011). Apabila pelanggan telah berjaya untuk

---

<sup>3</sup>*Ibra'* (rebat) merujuk kepada tindakan seseorang yang menggugurkan tuntutan haknya seperti pemiutang menggugurkan hutang yang ditanggung oleh penghutang. *Ibra'* tergolong dalam *uqud tabarru'at* (al-Zarqa' 1968; Suruhanjaya Sekuriti 2006). *Ibra'* adalah nilai potongan yang diberi kerana menyelesaikan hutang dengan lebih awal dari tempohnya. Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti telah memutuskan bahawa peruntukkan *ibra'* boleh dimasukkan ke dalam dokumen perundangan utama bagi transaksi hutang Islam. Walau bagaimanapun, peruntukan ini hendaklah diasingkan daripada fasal harga dalam dokumen perundangan utama sebaliknya dimasukkan ke dalam fasal bayaran dan penyelesaian. *Ibra'* digunakan sebagai unsur galakan kepada penghutang untuk segera menjelaskan hutang (Abdul Ghafar Ismail et al. 2011).

menyelesaikan hutang lebih awal dari tempohnya (*early settlement*), maka pihak bank Islam akan memberikan diskaun atau rebat kepada pelanggannya. Formula rebat atau *ibra'* yang digunakan oleh CIMB Islamic adalah sebagai berikut:

Net Amount Payable = Murabahah Sale Price – Rebate.

Rebate = Murabahah Sale Price – [(P X R% X t/ T X 50%) + P].

Di mana:

Murabahah Sale Price = Principal Amount + Profit.

P = jumlah deposit dari pelanggan.

R = persenan kadar keuntungan (%).

t = tempoh atau bilangan hari didepositkan berasaskan kepada penggenapan bulan.

T = jumlah keseluruhan hari dalam setahun (365).

Contoh:

Ada pelanggan membuka akaun deposit FRIA-i Why Wait di CIMB Islamic. Dia telah deposit wang RM10,000 untuk tempoh deposit selama sebulan, akan tetapi belum genap sebulan, misalnya baru sahaja 15 hari, pelanggan tersebut telah berubah fikiran dan hendak mengambil balik wang deposit di CIMB Islamic. Maka, dalam hal ini, pihak bank akan membayar balik deposit pelanggan pada harga atau amaun terdiskaun. Adapun cara pengiraan pembayaran balik deposit pelanggan dalam tempoh 15 hari tersebut adalah sebagai berikut:

$$\text{RM10,000} \times 3\% \times 15 / 365 \times 50\% = \text{RM } 6.16 \text{ atau boleh juga } \text{RM } 10,000 \times 3\% \times 15 / 365 \times 2 = \text{RM } 6.16.$$

Jadi, pelanggan akan menerima pembayaran balik deposit sebesar RM9993.84 (sembilan ribu sembilan ratus sembilan puluh tiga ringgit lapan puluh empat sen) dari CIMB Islamic Bank Berhad dengan perincian, wang deposit asal daripada pelanggan tersebut adalah RM10,000 dikurangi rebat



(harga atau amaun terdiskaun) sebesar RM6.16 (untuk tempoh 15 hari)=  
RM10,000 – RM6.16 = RM9993.84 (Shah Riza Muhamad 2011).

### **Modus Operandi Produk FRIA-i Berasaskan *Tawarruq***

Rajah 3.1 menunjukkan modus operandi konsep *tawarruq* yang diaplikasikan dalam produk FRIA-i:

- i. Pelanggan bersetuju menyimpan atau melabur wangnya di CIMB Islamic, mereka melantik CIMB Islamic sebagai ejen untuk membeli komoditi minyak sawit mentah (CPO)<sup>4</sup> daripada peniaga minyak sawit mentah A (broker A) secara harga tunai (cash basis) dalam pasaran komoditi yang diiktiraf dan serahan komoditi dibuat semerta;
- ii. CIMB Islamic memberikan janji yang mengikat (*wa<sup>c</sup>d mulzim*) kepada pelanggan untuk membeli komoditi CPO tersebut dengan harga belian bertanggung pada harga kos ditambah margin keuntungan (*murabahah sale price*);
- iii. CIMB Islamic akan membayar *hamish jiddiyyah*<sup>5</sup> (deposit sekuriti; sejumlah wang yang diambil daripada pihak yang membuat pesanan belian sebagai jaminan terhadap janjinya);

---

<sup>4</sup>Aset berbentuk fizikal (*‘ayn*) seperti minyak sawit mentah (CPO) akan mendatangkan kesukaran jika dijual di pasaran bagi pembeli perseorangan. Oleh yang demikian, aset atau komoditi tersebut ditukar kepada Certificate Holder yang boleh diniaga di pasaran kepada pihak ketiga. Hal ini dilakukan untuk kemudahan urus niaga di pasaran. Oleh yang demikian “Certificate Holder” yang diniaga ini yang menggambarkan nilai aset sebenarnya dan boleh diambil kapan sahaja.

<sup>5</sup>Konsep *hamish jiddiyyah* (deposit sekuriti) di atas hanya diberlakukan bagi produk FRIA-i –Why Wait sahaja. Lihat terma dan syarat FRIA-i fasal 4 (pilihan pembayaran), klausa 4.3, dari [www.cimbislamic.com](http://www.cimbislamic.com), diunduh 15 oktober 2011. *Hamish Jiddiyyah* adalah sejumlah wang yang dibayar kepada penjual aset bagi menunjukkan kesungguhan untuk membeli aset tersebut baik melalui bank atau terus daripadanya sendiri. Ia adalah sama seperti “*booking*”. Ia juga boleh diberikan kepada bank bagi menunjukkan kesungguhannya dalam meneruskan proses pembiayaan dengan bank. Ia perlu kerana jika pihak pelanggan membatalkan proses sedangkan pihak bank telah membeli aset yang dikehendaki, pihak bank akan menghadapi risiko besar. Ia juga dilakukan sebelum memeterai sebarang kontrak jual beli. Dalam erti kata lainnya, kedudukannya adalah di luar

- iv. CIMB Islamic sebagai ejen daripada pelanggan akan membeli komoditi CPO daripada peniaga broker A, yang masih dalam naungan Bursa Suq al-Sila' (Firma Murabahah Komoditi)<sup>6</sup> secara harga tunai sesuai atau mengikut harga semasa dan serahan komoditi dibuat semerta;
- v. Berkenaan dengan *wa<sup>c</sup>d mulzim*, CIMB Islamic atas kapasitinya sebagai ejen pelanggan akan membeli komoditi CPO tersebut dan pelanggan akan menjual komoditi CPO itu kepada pihak CIMB Islamic secara *murabahah* (mark-up sale) dan serahan komoditi dibuat semerta;<sup>7</sup>


---

akad utama jual beli. Jika perjanjian kontrak jual beli sudah dimeterai, maka ia dikenali sebagai *'urbun* (Zaharuddin Abd.Rahman 2009b). Berkaitan dengan produk FRIA-i yang merupakan produk deposit yang menggunakan adunan kontrak (*hybrid contract*) yang akad utamanya berdasarkan *tawarruq* dan *murabahah* yang berkaitan dengan komoditi *murabahah*. Ianya juga mempunyai akad-akad sokongan seperti *wakalah mutlaqah*, *wa<sup>c</sup>d mulzim* (binding promise) dan *hamish jiddiyyah*. Produk FRIA-i termasuk dalam kategori daripada aplikasi konsep *al-tawarruq al-munazzam* (organized *tawarruq*), di mana pihak bank sebagai sesebuah institusi yang memerlukan pembiayaan atau dana. Jadi, dalam hal ini, pihak bank (CIMB Islamic) yang akan memberikan *hamish jiddiyyah* kepada pelanggan.

<sup>6</sup>Transaksi komoditi *murabahah* di Malaysia diuruskan oleh Bursa Suq al-Sila' yang dahulu dikenali sebagai Firma Komoditi Murabahah (CMH). Transaksi tersebut berasaskan *hiyal* melalui *tawarruq* yang merupakan alternatif kepada London Metal Exchange (LME). *Hiyal* ini dibuat sebagai salah satu instrumen pengurusan kecairan (*liquidity management*) bagi menggalakkan *overnight deposits* dan *short term deposits* untuk bank-bank Islam di Malaysia. *Liquidity* di sini merupakan perkara penting yang perlu diuruskan oleh bank-bank Islam dengan baik bagi memastikan kelangsungannya. Justeru itu, instrumen khusus yang patuh Syariah perlu diadakan sekalipun terpaksa melakukan *hiyal* kerana tanpa kecairan, *survival* bank-bank Islam akan terganggu. Jadi, jika *hiyal* di peringkat *daruriyyat* ini tidak dilaksanakan, kemudatan yang lebih besar akan berlaku dalam bentuk kepincangan dan kemusnahan sistem muamalat atau sistem keuangan yang beroperasi (Mohamed Fairouz Abdul Khir et al. 2011).

<sup>7</sup>Selepas pihak CIMB Islamic membeli komoditi (CPO) dari broker A dan menerima komoditi tersebut, pihak CIMB Islamic tidak menyerahkan terlebih dulu komoditi (CPO) itu kepada pelanggan baru kemudian pihak CIMB Islamic membelinya dari pelanggan dan penghantaran semerta. Hal ini kerana pihak CIMB Islamic telah dilantik oleh pelanggan untuk menjadi wakilnya (*wakalah mutlaqah*).

- vi. Selepas itu, CIMB Islamic akan menjual semula komoditi CPO tersebut kepada broker B, broker swasta yang tidak ada hubung kaitnya dengan broker A secara tunai mengikut harga semasa dalam pasaran komoditi CPO dan komoditi diserahkan secara semerta<sup>8</sup>;
- vii. CIMB Islamic menanggung liabiliti (amaun kos komoditi ditambah margin keuntungan) untuk dibayar kepada pelanggan pada tempoh matang selepas ditolak deposit sekuriti



### Rajah 3.1 Akaun Pelaburan Pulangan Tetap-i (FRIA-i).

Sumber: Abdul Rahman A. Shukor & Zarizan Ibrahim 2011.

Apa yang sebenarnya mendorong bank untuk melakukan kontrak tersebut adalah fakta untuk memperolehi kecairan dana (dalam hal ini, adakalanya CIMB Islamic menggunakan dana daripada pelanggan tersebut untuk kecairan dana jangka pendek, pelaburan pada aktiviti-aktiviti yang patuh syariah dan adakalanya sebagian dana itu belum sempat digunakan oleh CIMB Islamic) daripada deposit pelanggan (Abdul Rahman A. Shukor, 2011).

### Analisis Struktur Kontrak Dalam Produk FRIA-i

#### Kontrak Hibrid<sup>9</sup>

Bagi meningkatkan keberbagaian rangkaian produk kewangan Islam yang dapat memenuhi keperluan pelanggan, institusi kewangan Islam telah meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan produk kewangan Islam. Beberapa inovasi baru telah diterokai, antaranya dengan menghimpunkan kontrak syariah dalam satu pakej produk untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu (BNM, 2010) dengan menggabungkan beberapa akad selain *tawarruq* iaitu *murabahah*, *wakalah mutlaqah*, *wa'd mulzim* dan *hamish jiddiyah*. Majlis Penasihat Syariah AAOIFI dalam Resolusi No. 25 telah menetapkan bahawa menggabungkan lebih daripada satu kontrak adalah dibenarkan, asalkan setiap kontrak itu sendiri dibenarkan Syarak dan setiap kontrak mestilah berdiri sendiri secara berasingan, yakni tanpa mengikat antara satu sama lain (*al-<sup>c</sup>Uqud al-Mustaqillah*). Di samping itu,

---

<sup>9</sup>Istilah kontrak hibrid atau gabungan beberapa kontrak dalam konteks fiqh muamalat ada yang mengistilahkan sebagai *al-<sup>c</sup>uqudal-murakkabah* dan ada juga yang mengistilalkannya sebagai *al-jam<sup>c</sup>u bayna al-<sup>c</sup>uqud*. Definisi *al-<sup>c</sup>uqudal-murakkabah* menurut Nazih Hammad (2005) adalah: "...kesepakatan dua pihak untuk melaksanakan suatu akad yang mengandungi dua akad atau lebih seperti akad jual beli dengan akad sewa (*ijarah*), *hibah*, *wakalah*, *qard*, *muzara<sup>c</sup>ah*, *sarf* (penukaran mata wang), *shirkah*, *mudarabah* dan sebagainya, sehingga semua akibat hukum akad-akad yang terhimpun tersebut, serta semua hak dan kewajipan yang ditimbulkannya dianggap sebagai satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan, sebagaimana akibat hukum dari satu akad".

setiap kontrak juga tidak boleh memberikan indikasi wujudnya syarat apapun antara satu kontrak dengan kontrak yang lain.

Menurut parameter syariah yang diterbitkan oleh AAOIFI tahun 2007, telah menggariskan beberapa faktor yang membolehkan gabungan antara kontrak seperti berikut: (1) Ianya tidak dilarang di dalam nas syarak. Contohnya: larangan akad jual beli dan akad pinjaman (*al-bay' wa al-salaf*). (2) Ianya bukan helah ke arah amalan riba (*hilah ribawi*), seperti kesepakatan dalam *bai' al-'inah* atau helah ke atas *riba fadl*. (3) Ianya bukan jalan ke arah riba (*dhari'ah ila al-riba*) seperti gabungan antara kontrak pinjaman dan kontrak pertukaran (*'aqd al-mu'awadah*). (4) Ianya bukan akad yang berlawanan dengan sebarang hukum atau kewajipan. Seperti gabungan hibah sesuatu barang dan menjualnya kepada penerima hibah, atau pemberian hibah kemudian menyewakannya kepada penerima hibah, gabungan akad *mudarabah* dengan meminjamkan modal pokok (*capital*) kepada *mudarib*, *sarf* dengan *ju'alah*, *ijarah* dan *bay'* yang dinamakan *bay' al-ijari* (hire-purchase) (Asyraf Wajdi Dusuki, 2010b; Asyraf Wajdi Dusuki & Nurdianawati Irwani Abdullah, 2011; BNM, 2010).

#### Kontrak *Tawarruq*

Kontrak *tawarruq* merujuk kepelbagaian pihak yang terlibat dalam transaksi jual beli tersebut iaitu pihak empat pihak yang terdiri daripada CIMB Islamic, pelanggan, broker A dan broker B. Menurut Zarizan Ibrahim, *tawarruq* yang diamalkan oleh CIMB Islamic bukanlah *tawarruq muntabiq*. Ertinya, tidak ada kaitan antara broker A dengan broker B, keduanya di bawah pengurusan yang berbeza, bukan subsidiari dan SPV (syarikat dengan tujuan khas) (Abdul Rahman A. Shukor & Zarizan Ibrahim 2011). Transaksi *tawarruq* yang diamalkan oleh CIMB Islamic dalam produk FRIA-i itu menunjukkan transaksi jual beli yang hakiki bukan direka-reka walaupun dalam hal ini terdapat unsur pengaturan atau persepakatan awal. Jadi, dalam hal ini tidak ada isu syariah yang timbul.

#### Kontrak *Murabahah*

Pihak CIMB Islamic sebagai ejen dari pelanggan membeli suatu komoditi misalnya minyak sawit mentah (CPO) daripada broker A setelah itu CIMB Islamic akan membeli daripada pelanggan secara *murabahah* (kos

campur keuntungan) sebagaimana yang telah disetujui oleh pihak CIMB Islamic dan pelanggan. Berkaitan dengan hal ini, tidak timbul isu syariah.

#### *Komoditi Murabahah*

Pembelian barang-barang atau komoditi tertentu pada harga kos campur margin keuntungan (*murabahah*) yang telah disetujui oleh kedua belah pihak (penjual dan pembeli) dan selanjutnya, komoditi tersebut akan dijual semula kepada peniaga komoditi yang lain (pihak ketiga) dengan maksud untuk memperoleh wang tunai. Berkaitan dengan hal ini, tidak ada isu syariah yang timbul kerana ia merupakan transaksi jual beli yang sebenar bukan rekaan.

#### *Wakalah Mutlaqah*

Merujuk terma dan syarat produk FRIA-i fasal tentang transaksi produk FRIA-i menyatakan bahawa Pihak CIMB Islamic menjadi ejen dari kumpulan pelanggan untuk melakukan pembelian dan penjualan suatu komoditi tertentu yang telah disetujui. Pada mulanya pelanggan akan melantik CIMB Islamic menjadi ejen untuk membeli suatu komoditi tertentu yang patuh syariah misalnya minyak sawit mentah (CPO) daripada peniaga atau broker A secara harga tunai (cash basis) dalam pasaran komoditi yang diiktiraf dan serahan komoditi dibuat semerta. Setelah itu, sepatutnya pihak CIMB Islamic menyerahkan komoditi tersebut terlebih dahulu kepada pelanggan baru kemudian CIMB Islamic membelinya daripada pelanggan secara *murabahah*. Akan tetapi, pada realitinya tidak ada serah terima komoditi (CPO) secara fizikal kepada pelanggan.

#### *Wa'd mulzim* dari satu pihak

Dari segi bahasa, *wa'd* bermaksud janji yang biasanya dikaitkan dengan dengan kebaikan. Dari segi istilah pula, *wa'd* bermaksud janji secara sepihak (*unilateral*) yang diberikan oleh satu pihak (pihak yang memberi janji) untuk melakukan sesuatu di masa akan datang (Hammad, Nazih 2008). Perbahasan ulama silam dan kontemporari berkisar berkenaan isu baik *wa'd* itu mengikat atau tidak. Secara ringkasnya, *Majma' al-Fiqh al-Islami* (Akademi Fiqh Islam OIC) dalam sidang mereka yang kelima di Kuwait pada tahun 1988 telah memutuskan bahawa *wa'd* yang dikeluarkan oleh satu

pihak adalah mengikat kepada pihak yang berjanji sahaja, yakni berasaskan kepada tuntutan agama (*diyanatan*). Ia juga akan mengikat pihak yang memberi janji berdasarkan kepada perundangan (*qada'an*), sekiranya dikaitkan dengan sesuatu sebab yang mengikat hasil daripada janji tersebut.<sup>10</sup>

Keputusan Akademi Fiqh OIC ini turut diperakui oleh Majlis Penasihat Syariah AAOIFI yang telah membahas isu *wa'd* dalam beberapa piawai syariahnya (*mi'yar shar'i*) seperti dalam Piawai Syariah No.8 berhubung *Murabahah Lil Amir bi al-Shira'*. Ketetapan mereka adalah sama berhubung dengan status *wa'd* yang mengikat satu pihak, manakala *muwa'adah* yang mengikat kedua belah pihak adalah tidak diharuskan, kecuali diletakkan syarat *khiyar* (pilihan) kepada kedua belah pihak atau salah satu daripada pihak yang terlibat (Asyraf Wajdi Dusuki 2010b). Parameter Syariah AAOIFI No.30 tentang *tawarruq* item 4/1 juga turut memperakui adanya *wa'd mulzim* dari satu pihak (AAOIFI 2008b). Berkaitan dengan janji satu pihak dari pihak bank (CIMB Islamic) untuk membeli sesuatu komoditi dari pelanggan itu sifatnya mengikat dan penggunaan *wa'd* tersebut juga sebenarnya untuk melindungi kepentingan pihak pelanggan. Jadi, dalam hal ini, tidak ada isu syariah yang timbul kerana hal tersebut sudah sesuai dengan kehendak hukum Islam.

#### *Hamish jiddiyyah*

*Hamish jiddiyyah* merupakan suatu amaun berasamaan dengan keuntungan yang telah disetujui dan dibayar oleh pihak CIMB Islamic sebaik sahaja pelanggan mendaftar dan mengisi formulir Akaun Pelaburan Pulangan Tetap-i (FRIA-i). Ia juga merupakan penegasan atau pembuktian ke atas komitmen bank untuk melaksanakan janjinya untuk membeli sesuatu komoditi (CPO) dari pelanggan secara *murabahah*. Menurut Shafaai Musa (2012), "...penggunaan *hamish jiddiyyah* adalah merupakan *takyif fiqhi* (penyesuaian fiqh) sebagai ganti daripada profit (keuntungan) kerana kalau Fixed Return (pulangan tetap) itu tidak boleh didahulukan". Produk FRIA-i di CIMB Islamic pada awalnya namanya adalah "Advance Profit" setelah

---

<sup>10</sup>Resolusi *Majma' al-Fiqh al-Islami*, Resolusi No.40 dan 41(2/5 dan 3/5), 10-15 Disember 1988, Kuwait (Asyraf Wajdi Dusuki 2010b).

mengetahui produk itu pihak MPS Bank Negara Malaysia kurang bersetuju dengan nama produk tersebut kerana mereka bimbang bahawa produk itu termasuk ke dalam pengertian penggabungan pembayaran awal secara *qard* dengan kontrak *murabahah*.

## KESIMPULAN

Dari analisis secara keseluruhan terhadap struktur akad-akad yang digunakan dalam produk FRIA-i telah menunjukkan bahawa aplikasi konsep *tawarruq* khususnya dan juga akad-akad yang lain dalam produk tersebut dapat diambil kesimpulan bahawa produk FRIA-i merupakan produk hibrid yang patuh syariah melalui instrumen *wakalah mutlaqah*, ia merupakan transaksi jual beli yang sebenar (memenuhi rukun dan syaratnya) dan bukan rekaan (*suriyyah*). Mengenai hubungan kontrak asal antara bank dengan pelanggan merujuk terma dan syarat produk FRIA-i fasal tentang transaksi menyatakan bahawa hubungan mereka adalah *wakalah mutlaqah*, namun begitu menurut pernyataan Shafaai Musa (2012), "...hubungan asal bank dengan pelanggan adalah *tawarruq*". Menurut beliau, meskipun modus operandi produk FRIA-i diawali dengan menggunakan akad *wakalah mutlaqah* namun bukan berarti akad tersebut lebih dominan daripada akad *tawarruq* ataupun akad-akad yang lain. Produk FRIA-i sememangnya dimulai dengan akad *wakalah mutlaqah*, akan tetapi transaksi selanjutnya adalah *tawarruq*. Produk FRIA-i tanpa adanya akad *tawarruq* tidak akan berlaku. *Tawarruq* hakikatnya merupakan bahagian utama kontrak cuma ia mesti ada akad *wakalah*.

*Tawarruq* merujuk kepada transaksi *mu'amalah* yang melibatkan dua peringkat transaksi. Pada peringkat pertama, transaksi tersebut melibatkan pembelian secara kredit antara pembeli dengan penjual asal suatu aset, dan pada peringkat kedua, pembeli selanjutnya akan menjual aset tersebut secara tunai kepada pihak ketiga. Ia juga merupakan alternatif daripada *bai'al-'inah* (jual dan beli semula dengan harga berbeza untuk menghasilkan tanggungan hutang) yang kontroversi dan kerap mengundang perdebatan pakar syariah di seluruh dunia terutama daripada Timur Tengah. Ia digunakan secara meluas dalam produk deposit, pembiayaan, pengurusan aset, pengurusan risiko dan sebagainya. Terdapat banyak faktor yang perlu dinilai dalam proses pembangunan sebuah produk sehinggalah ia berada di



pasaran. Tetapi, faktor yang utama yang perlu mendapatkan perhatian adalah sejauh mana produk-produk tersebut mematuhi syariah.

Konsep *tawarruq* dianggap lebih baik daripada konsep *bai'al-'inah*. Konsep *tawarruq* yang diaplikasikan dalam produk FRIA-i di CIMB Islamic merupakan alternatif yang lebih baik daripada produk yang berasaskan konsep *bai'al-'inah*. Hal ini kerana modus operandi produk FRIA-i tersebut sudah sesuai dengan konsep *tawarruq* yang diharuskan oleh hukum Islam. Penggunaan struktur *tawarruq* terhadap kepada suasana di mana struktur lain tidak dapat dilaksanakan (*sadd al-dhari'ah* dan *al-nazr ila ma'alat al-'af'al*). Oleh itu, ia hanyalah digunakan apabila suasana terdesak dan tiada sebarang mekanisme lain seperti *musharakah* dan *mudarabah* (produk deposit pelaburan), *ijarah*, *istisna'* dan sebagainya (produk pembiayaan) yang boleh digunakan (*last resort basis*).

Produk FRIA-i di CIMB Islamic ia merupakan kontrak hibrid yang sesuai dengan kehendak hukum Islam melalui instrumen *wakalah mutlaqah*. Di samping itu, ia juga merupakan *hilah shar'iyah*. Aplikasi konsep *tawarruq* dalam produk FRIA-i tersebut merupakan upaya kontekstualisasi fiqh muamalat kontemporari dan pengembangan produk dalam sistem perbankan dan kewangan Islam moden.

## DAFTAR PUSTAKA

*Al-Qur'an al-Karim*

AAOIFI. 2008a. *Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions 1413H-2008*. Bahrain: AAOIFI, hlm.535.

AAOIFI. 2008b. *al-Ma'ayir al-Shar'iyah*, Resolusi No.30 tentang *tawarruq* item 4/1. Bahrain: AAOIFI, hlm.493.

Abdul Ghafar Ismail, Sanep Ahmad & Jaafar Ahmad. 2011. *Kamus Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.42.

Ab. Mumin Ab. Ghani & Ahmad Sufyan Che Abdullah. 2006. *Tawarruq: Konsep dan Aplikasi dalam Kewangan Islam*. Dlm. Ab. Ghani & Fadillah Mansor (pnyt.). *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, hlm.117-131. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Abdul Rahman A. Shukor dan Zarizan Ibrahim (Penolong Pengurus, Jabatan Syariah CIMB Islamic Bank Berhad). 2011. Konsep *Tawarruq* dan Aplikasinya di CIMB Islamic. Temu bual, 27 Juli.
- Abdul Rahman A. Shukor. 2011. Mekanisme Akaun Pelaburan Pulangan Tetap-i (FRIA-i). Temu bual, 15 Agustus.
- Abu Ghuddah, <sup>c</sup>Abd al-Sattar. 1998. *al-Ijarah*. Dallah Barakah. Jeddah, hlm.117, dipetik daripada Ahmad Suhaimi Yahya, 2010, *Ijarah* dari Konteks Aplikasi, Perundangan dan Syariah. Dlm. Lokmanulhakim Hussain (ed.). *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-4, 2010–Hiyal dan Makharij: Ke Arah Ketelusan di dalam Operasi Perbankan Islam, 10-11 November 2010, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya*, hlm.97-118, Kuala Lumpur: International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA).
- Asyraf Wajdi Dusuki. 2010a. Can Bursa Malaysia's Suq al-Sila' (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy over Tawarruq?. *ISRA Research Paper* 10: 1-26.
- Asyraf Wajdi Dusuki. 2010b. Konsep dan Operasi SWAP Sebagai Mekanisme Lindungan Nilai dalam Institusi Kewangan Islam. Dlm. Muhammad Ali Jinnah Ahmad (ed.). *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-3, 2009-Operasi dan Perbendaharaan Kewangan Islam, 25-26 Mei, Jakarta, Indonesia*, hlm.32-74, Kuala Lumpur: International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA).
- Asyraf Wajdi Dusuki & Nurdianawati Irwani Abdullah. 2011. *Fundamentals of Islamic Banking*. Kuala Lumpur: IBFIM, hlm.285-286.
- Aznan Hasan. 2007. Isu-Isu dalam Penggunaan Bai' 'al-Inah & Tawarruq: Perspektif Hukum. Dlm. Bank Negara Malaysia (pnyt.). *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara 2006: Bai' al-'Inah & Tawarruq: Isu-isu dan Penyelesaiannya dalam Konteks Kewangan Islam*, hlm.89-104. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Aznan Hasan. 2009. Why Tawarruq Needs to Stay: Strengthen the Practice, Rather than Prohibiting it, *Islamic Finance News*, dari [www.islamicfinancenews.com](http://www.islamicfinancenews.com), diunduh 24 Juni 2010.

- al-Baji, al-Qadi Abi Walid Sulayman ibn Khalaf ibn Sa'ad ibn Ayyub ibn Warith.t.th. *Kitab al-Muntaqa Sharh al-Muwatta'*. Juz.3. al-Kaherah: Dar al-Kitab al-Islami, hlm.435.
- Bank Negara Malaysia. 2010. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Edisi ke-2. t.tp.: Bank Negara Malaysia, hlm.95 & 155-156.
- al-Bassam, 'Abd Allah ibn 'Abd al-Rahman ibn Salih. 1987. *Taysir al-'Alam Sharh 'Umdat al-'Ahkam*. Jil.1. t.tp.: Dar al-Fikr, hlm.473.
- CIMB Bank. 2011. Banking Products and Services-DASHBOARD, Fixed Return Investment Account-i, dari <http://productdashboard.cimb.com>, diunduh 20 Oktober 2011.
- CIMB Islamic. 2011. Terma dan Syarat Produk FRIA-i, dari [www.cimbislamic.com](http://www.cimbislamic.com), diunduh 15 Oktober 2011.
- al-Fayruz 'Abadi, Majd al-Din Muhammad ibn Ya'qub. 1411H. *al-Qamus al-Muhit*. Juz.4. Beirut: Dar al-Fikr, hlm.1198.
- al-Ghamidi, 'Abd al-'Aziz 'Ali 'Aziz. 2007. al-Tamwil bi al-Tawarruq fi al-Mu'amalat al-Maliyyah. *Majallah al-Buhuth al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah*. Bil.76, hlm.244.
- Hammad, Nazih. 2005. *al-'Uqud al-Murakkabah fi al-Fiqh al-Islami: Dirasah Ta'siliyyah li al-Manzumat al-'Aqdiyyah al-Mustahdathah*, Dimashq: Dar al-Qalam, hlm.7 & 11-12.
- Hammad, Nazih. 2008. *Mu'jam al-Mustalahat al-Maliyyah al-Iqtisadiyyah fi Lughat al-Fuqaha'*. Dimashq: Dar al-Qalam, hlm.473.
- Hamud, Aymam Sami Hasan. 2008. al-Tawarruq Bayna al-Halal wa al-Haram, hlm. 3, dari <http://www.badlah.com/page-478.html>, diunduh 12 Juli 2010.
- Hassan, Hussin Hamid. 2009. *al-Tawarruq al-Masrafi al-Munazzam*, Munazzamah al-Mu'tamar al-Islami, Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali, 26-30 April 2009, hlm.1, dipetik daripada Asyraf Wajdi Dusuki. 2010b.
- Hawwa, Ahmad Sa'id. 1428H/2007. *Suwar al-Tahayul 'ala al-Riba wa Hukmuha fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar Ibn Hazm, hlm.139-148.
- IBFIM. 2007. Soal-Jawab Kewangan Islam. Sumber: *Utusan Malaysia On-Line*, Isnin, 5 November 2007, dari <http://www.ibfim.com>, diunduh 23 Januari 2010.

- Ibn Hajar al-<sup>°</sup>Asqalani. t.th. *Fath al-Bari*. Jil.5. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm.12.
- Ibn Hajar al-<sup>°</sup>Asqalani. 2000. *Fath al-Bari*. Juz.5. Beirut: Dar al-Fikr, hlm.146.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. 1990. *Lisan al-<sup>°</sup>Arab*. Jil.10. Beirut: Dar al-Fikr, hlm.374-375.
- al-Imrani, <sup>°</sup>Abd Allah ibn Muhammad ibn <sup>°</sup>Abd Allah. 2006. *al-<sup>°</sup>Uqud al-Maliyyah al-Murakkabah: Dirasah Fiqhiyyah Ta'siliyyah wa Tatbiqiyyah*. Riyadh: Dar Kunuz Eshbelia, hlm.69.
- Ibrahim Anis et al. (pnys.). 1972. *al-Mu<sup>°</sup>jam al-Wasit*. Jil.1. al-Qahirah: t.pt., hlm.1026 .
- Iman Salleh. 2009. Konsep *Bay' al-Tawarruq* dan Aplikasinya dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Islam Malaysia Berhad. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Lughawi, Abu al-Husain Ahmad ibn Faris.1406H/1986. *Mujmal al-Lughah*. Tahqiq Zuhayr <sup>°</sup>Abd al-Muhsin Sultan. Juz.3. Beirut: Mu'assasat al-Risalah, hlm.922.
- Mahmud <sup>°</sup>Abd al-Rahman <sup>°</sup>Abd al-Mun<sup>°</sup>im. t.th. *Mu<sup>°</sup>jam al-Mustalahat wa Alfaz al-Fiqhiyyah*. Juz.3. al-Kaherah: Dar al-Fadilah, hlm.471-472.
- al-Mani<sup>°</sup>, Shaykh <sup>°</sup>Abd Allah ibn Sulayman. 2003. al-Ta'sil al-Fiqhi li al-Tawarruq fi Daw'al-'Ihtiyajat al-Tamwiliyyah al-Mu<sup>°</sup>asirah, dlm. Kulliyah al-Shari'ah wa al-dirasat al-Islamiyyah (pnyt.). *Kitab al-Waq*'*i<sup>°</sup>: Dawr al-Mu'assasat al-Masrafiyyah al-Islamiyyah fi al-Istithmar wa al-Tanmiyyah*. Juz.2, hlm.445-453, Emiriyah Arab Bersatu (UEA): Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat, University of Sharjah.
- Mohamed Fairooz Abdul Khir et al. 2011.Parameter *Hiyal* dalam Kewangan Islam.*ISRA Research Paper* 23: 47-48. al-Munajjid, Shaykh Muhammad Salih, *Tawarruq* via the Bank and Differences in Fatwas Concerning if from Fiqh Councils and Bank's Scholars, hlm.4 dari <http://www.islamqa.com/en/ref/98124>, diunduh 19 Juni 2010.

- Mohammad Anwar Ibrahim. 2007. *Bai' al-'Inah & Tawarruq: Kaedah dan Pendekatan Penyelesaian*, dlm. Bank Negara Malaysia (pnyt.), *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara 2006: Bai' al-'Inah dan Tawarruq: Isu-isu dan Penyelesaiannya dalam Konteks Kewangan Islam*, hlm.111-135. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Mohd Irwan Kamil Mohd Isa. 2009. Konsep dan Pelaksanaan *al-Tawarruq* dalam Pembiayaan Peribadi: Kajian di al-Rajhi Bank (Malaysia). Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd. Parid Sheikh Hj. Ahmad. 2007. *Bai'al-'Inah & Tawarruq: Kaedah dan Pendekatan Penyelesaian*. Dlm. Bank Negara Malaysia (pnyt.). *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara 2006: Bai' al-'Inah dan Tawarruq: Isu-isu dan Penyelesaiannya dalam Konteks Kewangan Islam*, hlm.189\_214. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- al-Mushayqah, Khalid ibn 'Ali. 1425H. *al-Tawarruq al-Masrafi 'an Bay' al-Ma'adin*. *Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah*, No.73: 246.
- al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf. 2000. *Sharh Sahih Muslim*. Juz.6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm.16.
- Qal'ahji, Muhammad Rawwas, et al. (pnys.). 1416H/1996. *Mu'jam Lughat al-Fuqaha': 'Arabi-Inkilizi-Ifransi: ma'a Kashshaf Inkilizi-'Arabi-Ifransi bi al-Mustalahat al-Waridah fi al-Mu'jam*. Beirut: Dar al-Nafa'is, hlm.131 & 472.
- al-Qurrah Daghi, 'Ali Muhyi al-Din. 2002. *Buhuth fi al-Iqtisad al-Islami*. Beirut: Dar Basha'ir, hlm.9 & 11.
- al-Qurri, Muhammad 'Ali. 2003. *al-Tawarruq: Ma'nahu wa Hukmuhu wa Tariqat Tanfidh 'Amaliyyatih Lada al-Bunuk*. Kertas kerja Persidangan Majma' al-Fiqh al-Islami Sesi ke-17 di Mekkah al-Mukarramah dipetik daripada Hisham Muhammad al-Qadi. 2007. *al-Tawarruq min Manzur Fiqhi*. Dlm. Markaz Salih Kamil li al-Iqtisad al-Islami (pnyt.). *Nadwat al-Tawarruq wa al-Tawriq bayna al-Shari'ah al-Islamiyyah wa al-Tatbiq al-Mali al-Mu'asir*, hlm.99-122. Madinah Nasr: Markaz Salih Kamil li al-Iqtisad al-Islami, Jami'at al-Azhar.

- al-Rushaydi, Ahmad Fahd. 1425H/2005. *‘Amaliyyat al-Tawarruq wa Tatbiqatuha al-Iqtisadiyyah fi al-Masarif al-Islamiyyah*. Oman: Dar al-Nafa’is, hlm.54-55.
- Shafaai Musa. 2012. Aplikasi Konsep *Tawarruq* dalam Produk FRIA-i di CIMB Islamic Bank Berhad. Temu bual, 11 Juni.
- Shah Riza Muhamad (Pegawai Perkhidmatan Pelanggan CIMB Bank, SK Pusanika UKM). 2011. Formula Pengiraan Pembayaran Keuntungan FRIA-i, Rebat dan Akaun Bersama. Temu bual, 29 Disember.
- al-Sa<sup>‘</sup>di, Syaikh <sup>‘</sup>Abd al-Rahman et al. 2008. *Fiqih Jual-Beli: Panduan Praktis Bisnis Syariah*, Abu Muhammad Ashraf ibn <sup>‘</sup>Abd al-Maqsud (pnys.). Terj. Abdullah. Jakarta Selatan: Senayan Publishing, hlm.46-47.
- al-Sa<sup>‘</sup>di, Abu <sup>‘</sup>Abd Allah <sup>‘</sup>Abd al-Rahman ibn Nasir. 2000. *Tafsir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan (Tafsir al-Sa<sup>‘</sup>di)*. Beirut: al-Maktabah al-<sup>‘</sup>Asriyyah, hlm.91.
- al-San<sup>‘</sup>ani, Muhammad ibn Isma<sup>‘</sup>il. 1987. *Subul al-Salam*. Jil.5. t.tp.: Maktabah al-Halabi, hlm.12.
- al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa. t.th. *al-Muwafaqat*. Juz.3. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, hlm.144-146.
- Shaykh <sup>‘</sup>Abd Allah Sulayman ibn al-Mani<sup>‘</sup>. 1425H. al-Ta’sil al-Fiqhi fi Daw’ al-Ihtiyajat al-Tamwiliyyah al-Mu<sup>‘</sup>asirah”. *Majallat al-Buhuth al-Islamiyyah*. No.72, hlm.356-357.
- Suruhanjaya Sekuriti. 2006. *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, hlm.50.
- al-Suyuti, al-Imam Jalal al-Din <sup>‘</sup>Abd al-Rahman ibn Abu Bakar. 1998. *al-‘Ashbah wa al-Naza’ir fi Qawa<sup>‘</sup>id wa Furu<sup>‘</sup> al-Shafi<sup>‘</sup>iyyah*. Tahqiq dan ta<sup>‘</sup>liq Muhammad Muhammad Tamir dan Hafiz <sup>‘</sup>Ashur Hafiz. Jil.1. al-Kaherah: Dar al-Salam, hlm.166.
- Syaikh <sup>‘</sup>Abd al-Rahman al-Sa<sup>‘</sup>di et al. 2008/1429H. *Fiqih Jual-Beli: Panduan Praktis Bisnis Syariah*. Abu Muhammad Ashraf ibn <sup>‘</sup>Abd al-Maqsud (pnys.). Terj. Abdullah, Jakarta: Senayan Publishing, hlm.46-47.

- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1968. *al-Madkhal al-Fiqhi al-<sup>o</sup>Am*. Jil.1. Beirut: Dar al-Fikr, hlm.579.
- al-Turki, Sulayman ibn Turki. 1424H/2003. *Bay<sup>o</sup> al-Taqsit wa Ahkamuhu*. Riyadh: Dar Ishbiliya, hlm.68-73.
- al-<sup>o</sup>Uthaymin, al-Shaykh Muhammad ibn Salih 1404H. *Aqşam al-Mudayanat*, dicetak bersama dengan *Majmu<sup>o</sup>ah Rasa'il (Rasa'il Fiqhiyyah)*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa. t.th. *al-Muwafaqat*. Juz.3. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, hlm.107.
- Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. 1423H/2002. *al-Mawsu<sup>o</sup>ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Jil.14. Kuwait: Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, hlm.147-148.
- Zaharuddin Abd. Rahman. 2009a. *Murabahah: Teori, Aplikasi & Isu dalam Perbankan Islam Semasa*. Seri Kembangan: True Wealth Sdn. Bhd., hlm.81.
- Zaharuddin Abd. Rahman. 2009b. *Panduan Perbankan Islam: Kontrak & Produk Asas*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., hlm.71.
- Zaharuddin Abd. Rahman. 2010. Pelanggan Urus Jualan: Aset Komoditi Tawarruq Masrafiy Lebih Diyakini. *Metro Ahad*, 18 Juli: D19.
- al-Zamakhsari, Abi Qasim Mahmud ibn <sup>o</sup>Umar. 1385H/1965. *Asas al-Balaghah*. Beirut: Dar Sadir, hlm.672.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2004. *al-Fiqh al-Islami wa' Adillatuh*. Jil.5. Dimashq: Dar al-Fikr, hlm.3457.
- al-Zuhayli, Wahbah Mustafa. 2009. al-Tawarruq Haqiqatuhu, Anwa<sup>o</sup>uhu: al-Fiqhi al-Ma<sup>o</sup>ruf wa al-Masrafi al-Munazzam, Munazzamah al-Mu'tamar al-Islami, *Majma<sup>o</sup> al-Fiqh al-Islami al-Duwali*, 26-30 April 2009, hlm.11-12, dari <http://www.isra.my/media-centre/downloads/finish/20/80/0.html>, diunduh 4 Mei 2010.

Email: [abdulhakam76@gmail.com](mailto:abdulhakam76@gmail.com); [fathanalahwazy@gmail.com](mailto:fathanalahwazy@gmail.com)